

PELAJARAN-KABINET 金'金'金'
OLEH SHUKOR HAJI AHMAD DAN AHMAT WAHAB

49

1979

KUALA LUMPUR, 14 DIS. (BERNAMA)-SISTEM PERSIJILAN BAGI PEPERIKSAAN SIJIL RENDAH PELAJARAN (SRP) DAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) AKAN DITUKARKAN KEPADA SISTEM PERSIJILAN TERBUKA.

PERUBAHAN SISTEM INI MERUPAKAN SALAH SATU PERAKUAN TERPENTING YANG TERKANDUNG DALAM LAPORAN JAWATANKUASA KABINET MENGENAI PELAKSANAAN DASAR PELAJARAN YANG DIUMUMKAN HARI INI.

LAPORAN TERSEBUT JUGA MEMPERAKUKAN PENGHAPUSAN PENJURUSAN SASTERA, SAINS DAN TEKNIK DI PERINGKAT PERSEKOLAHAN MENENGAH ATAS KEPADA CUMA DUA JURUSAN — AKADEMIK DAN VOKESIONAL.

SATU LAGI PERAKUAN TERPENTING IALAH PERLANJUTAN MASA PERSEKOLAHAN ASAS DARI SEMBILAN TAHUN BUAT MASA INI KEPADA 11 TAHUN.

PENGUMUMAN LAPORAN TERSEBUT TELAH DIBUAT OLEH TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD, YANG JUGA Pengerusi Jawatankuasa Tujuh Orang Itu.

PELAJARAN-KABINET 2 KUALA LUMPUR 金'金'金'

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENERANGKAN DI BAWAH SISTEM PERSIJILAN TERBUKA, PANGKAT PENCAPAIAN KESELURUHAN PEPERIKSAAN-PERIKSAAN TERSEBUT DIHAPUSKAN DAN SEBALIKNYA PANGKAT PENCAPAIAN DALAM TIAP-TIAP MATAPELAJARAN YANG LULUS SAJA DICATITKAN.

INI BERERTI SIJIL-SIJIL TERSEBUT TIDAK LAGI DIBERIKAN PANGKAT A, B, C BAGI SRP ATAU GRED SATU, DUA DAN TIGA BAGI SPM. SEBALIKNYA IA CUMA MENYEBUTKAN PENCAPAIAN TIAP-TIAP MATAPELAJARAN YANG LULUS SAJA.

SISTEM PERSIJILAN YANG BERDASARKAN PANGKAT DIDAPATI TIDAK SESUAI KERANA, SEBAGAI CONTOH, PIHAK MAJIKAN MENGUTAMAKAN SIJIL PANGKAT 4 WALAUPUN PEMEGANG SIJIL PANGKAT 3 MUNGKIN MEMPUYAI KEPUTUSAN YANG LEBIH BAIK DALAM MATAPELAJARAN YANG BERKAITAN DENGAN KEPERLUAN PEKERJAAN ITU.

PELAKSANAAN SISTEM BARU INI DIJANGKA MEMAKAN MASA DUA HINGGA TIGA TAHUN.

MENGENAI PELANJUTAN MASA PERSEKOLAHAN ASAS DARI SEMBILAN KEPADA 11 TAHUN, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN PERAKUAN INI MERUPAKAN SATU LANGKAH JANGKA PANJANG DAN PELAKSANAANNYA ADALAH

TERTAKLUK KEPADA KEMAMPUAN DAN KEPERLUAN KEMENTERIAN PELAJARAN.
SALAH SATU MATLAMAT PERLANJUTAN MASA PERSEKOLAHAN INI ADALAH
UNTUK MEMBOLEHKAN MURID-MURID TINGKATAN TIGA YANG TIDAK BERJAYA KE
TINGKATAN EMPAT DIKEKALKAN DI SEKOLAH-SEKOLAH.

PELAJARAN-KABINET 3 KUALA LUMPUR 金'金'金'

LANGKAH INI ADALAH BAGI MENGATASI MASALAH MURID-MURID YANG
TERLALU MENTAH IAITU DALAM LINGKUNGAN UMUR 15 TAHUN DILEPASKAN DE-
DALAM MASYARAKAT DAN MEMASUKI PASARAN PEKERJAAN.

PELAKSANAAN LANGKAH INI DIJANGKA MELIBATKAN TAMBAHAN SEKURANG-
KURANGNYA 1,000 BILIK DARJAH LAGI BAGI MENAMPUNG MURID-MURID YANG
DIKEKALKAN ITU.

MENGENAI PENJURUSAN PENDIDIKAN DI PERINGKAT MENENGAH ATAS KEPADA
JURUSAN AKADEMIK DAN VOKESIONAL, DATUK SERI DR. MAHATHIR PERKATA
JAWATANKUASA KABINET ITU MENDAPATI PENYALURAN MURID-MURID KE DALAM
JURUSAN SAINS, SASTERA DAN TEKNIK YANG DILAKUKAN SEKARANG TIDAK
SELARAS DENGAN KONSEP PENDIDIKAN UMUM.

DI SAMPING ITU, KAEDAH PEMILIHAN YANG TELAH DIJALANKAN SELAMA
INI JUGA DIDAPATI MENGANDUNGI BEBERAPA KELEMAHAN.

ANTARANYA PEPERIKSAAN SRP ATAU LCE IALAH UJIAN PENCAPAIAN DAN
BUKANNYA UJIAN UNTUK MENGUKUR BAKAT DAN MINAT. OLEH ITU, KEPUTUSAN
INI TIDAK BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI KRITERIA PENJURUSAN YANG DILAKU-
KAN SELEPAS PEPERIKSAAN SRP ATAU LCE.

JAWATANKUASA ITU BERPENDAPAT PENJURUSAN PADA PERINGKAT
INI ADALAH TERLALU AWAL KERANA BAKAT DAN MINAT MURID-MURID BELUM
DAPAT DIPASTIKAN LAGI.

PELAJARAN-KABINET 4 KUALA LUMPUR 金'金'金'

PENJURUSAN DI PERINGKAT INI JUGA TIDAK ADA KAITAN DENGAN PEKERJAAN
KERANA MURID-MURID LULUSAN SPM ATAU MCE TIDAK DIAMBIL BEKERJA

BERDASARKAN KEPADA JURUSAN PENDIDIKAN MEREKA.

BAGI MENJAYAKAN PENJURUSAN KEPADA JURUSAN AKADEMIK DAN VOKESIO-
NAL, JAWATANKUASA ITU TELAH MEMPERAKUKAN SUPAYA LEBIH
BANYAK LAGI SEKOLAH VOKESIONAL DIDIRIKAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PEMBINAAN SEBANYAK 24 BUAH
LAGI SEKOLAH VOKESIONAL DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT MERUPAKAN
SEBAHAGIAN DARI PROSES PELAKSANAAN SISTEM PENJURUSAN BARU INI.

BERKAITAN DENGAN SISTEM PERSEKOLAHAN, JAWATANKUASA ITU JUGA MEMPERAKUKAN UNTUK MENGUKUHKAN LAGI PENDIDIKAN DI PERINGKAT

50

RENDAH DENGAN MELAKSANAKAN PENGAJARAN PEMULIHAN SECARA YANG LEBIH TERSUSUN.

MURID-MURID AKAN DIDEHAHKAN KEPADA PENDIDIKAN VOKESIONAL DAN TEKNIK YANG TIDAK TERHAD BIDANGNYA KEPADA STU MATAPELAJARAN SAJA TETAPI AKAN DITAMBAH DENGAN ILMU PENGETAHUAN YANG PENTING DARI BIDANG-BIDANG ELEKTIF YANG LAIN.

DI SEKOLAH, AKADEMIK KURIKULUMNYA MENEGASKAN PENDIDIKAN UMUM SEMENTARA DI SEKOLAH VOKESIONAL LEBIH MIRIP KEPADA PERSIDANGAN MURID-MURID UNTUK MEMASUKI ALAM PEKERJAAN.

PELAJARAN-KABINET 5 KUALA LUMPUR

BAGI MENCAPAI MATLAMAT INI DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN LATIHAN PERGURUAN DI MAKTAB-MAKTAB PERGURUAN AKAN DILANJUTKAN DARI DUA TAHUN KEPADA TIGA TAHUN.

KATANYA, KURSUS-KURSUS DI POLITEKNIK JUGA DIPERBAGAIKAN SELARAS DENGAN PERMINTAAN YANG KIAN BERUBAH DAN BERTAMBAH.

JAWATANKUASA TERSEBUT TELAH MEMBERI PERHATIAN YANG MENDALAM KEPADA KURIKULUM SEKOLAH YANG MEWAJIBKAN SEMUA MURID ISLAM MENGAMBIL MATAPELAJARAN PENGETAHUAN AGAMA ISLAM SEMENTARA MURID-MURID BUKAN ISLAM AKAN MENGIKUTI MATAPELAJARAN BARU -- MORAL DAN ETIKA.

KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR, MURID-MURID ISLAM DAN BUKAN ISLAM JUGA DIWAJIBKAN MENGAMBIL PEPERIKSAAN DALAM MATA-MATAPELAJARAN BERSANGKUTAN.

ADALAH PENTING, KATANYA, MURID-MURID DIDEHAHKAN KEPADA UNSUR-UNSUR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN MELALUI KEGIATAN BILIK DARJAH DAN DI LUAR BILIK DARJAH.

MURID-MURID JUGA DIKEHENDAKKI MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM SENAMAN DAN KEGIATAN BERAMAI-RAMAI SEPERTI PERLUMBAAN JALAN KAKI DAN PERMAINAN BERPASUKAN.

BELIAU MENINGATKAN SEKOLAH-SEKOLAH SWASTA JUGA DIWAJIBKAN MENGIKUTI KURIKULUM YANG SAMA SEPERTI YANG DIGUNAKAN DALAM SISTEM PERSEKOLAHAN KEBANGSAAN BAGI PENDIDIKAN HINGGA KE TINGKATAN LIMA.

PELAJARAN-KABINET 6 KUALA LUMPUR

ADALAH DIPERAKUKAN JUGA BAHAWA KURIKULUM SEKOLAH HENDAKLAH MENITIKBERATKAN PERKEMBANGAN SIKAP, PERASAAN, SENTIMEN, EMOSI DAN SEBAGAINYA BAGI SETIAP MURID.

PENGURUSAN PELAJARAN PADA KESELURUHANNYA AKAN DIPERKEMAS DENGAN

MEWUJUDKAN SATU SISTEM PENYELARASAN DAN PENGAWASAN DALAM BIDANG PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN PROGRAM-PROGRAM PELAJARAN.

SALAH SATU USAHA YANG AKAN DIJALANKAN IALAH PENCATUMAN SEKOLAH-SEKOLAH KECIL YANG TIDAK MENGUNTUNGGAN DARI SEGI MUTU PENDIDIKAN.

INI AKAN MELIBATKAN SEKOLAH-SEKOLAH TAMIL DI ESTET-ESTET DAN SEKOLAH-SEKOLAH KECIL DI KAMPUNG-KAMPUNG.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEKIRANYA PENCANTUMAN INI MEMERLUKAN BANTUAN PENGANGKUTAN BAGI MURID-MURID ATAU KEPERLUAN ASRAMA, KEMUDAHAN-KEMUDAHAN TERSEBUT HENDAKLAH DIKHTIARKAN.

PELAKSANAANNYA AKAN MEMERLUKAN PEMBINAAN ASRAMA BAGI SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH DI KAWASAN TERPENCIL SEKIRANYA PENGUMPULAN MURID PERLU DILAKUKAN, TAMBAH BELIAU. -- BERSAMBUNG 1945/SZ
PELAJARAN-KABINET 7 KUALA LUMPUR

DI MASA DEPAN SEKOLAH-SEKOLAH KECIL AKAN MENDAPAT PERHATIAN ISTIMEWA. KEMUDAHAN-KEMUDAHAN ASAS AKAN DIBEKALKAN KE SEKOLAH-SEKOLAH TERSEBUT TANPA TERIKAT KEPADA SYARAT-SYARAT BILANGAN MURID DAN LAIN-LAIN SEPerti YANG DIKENAKAN SEKARANG.

KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR, SEKOLAH-SEKOLAH KECIL MEMERLUKAN BANTUAN YANG LEBIH BANYAK.

BELIAU BERKATA DALAM MENGUPAS SISTEM PENDIDIKAN SEAGAI PENYUMBANG UTAMA UNTUK MENGHASILKAN TENAGA RAKYAT DAN PERPADUAN, AHLI-AHLI JAWATANKUASA ITU MENYEDARI PAHAWA PENGHASILAN TENAGA RAKYAT BUKAN SAJA PERLU DINILAI DARI SEGI BILANGAN TETAPI SAMA JUGA PENTINGNYA DINILAI DARI SEGI KUALITINYA.

KATANYA, ANAK-ANAK PERLU DISERAPKAN DENGAN NILAI-NILAI DISIPLIN YANG TINGGI, SIKAP YANG JUJUR DAN DEDIKASI, SEMANGAT KESETIAAN KEPADA NEGARA, KEMAMPUAN BERFIKIR DAN BERTINDAK DENGAN BIJAKSANA, SELARAS DENGAN MATLAMAT PEMBANGUNAN KEMANUSIAAN.

INI AKAN MENJADIKAN MEREKA MANUSIA YANG BERTANGGUNGJAWAB APABILA MEREKA SUDAH BEKERJA DAN SEDAR BETAPA MUSTAHAKNYA PERPADUAN NEGARA DALAM SEBUAH MASYARAKAT MAJMUK.

BELIAU MENYERU USAHA-USAHA PENERAPAN UNSUR-UNSUR INI DIKALANGAN MURID-MURID HENDAKLAH DISALURKAN BUKAN SETAKAT KEPADA PEMBELAJARAN DI BILIK DARJAH TETAPI JUGA MELIPUTI SEMUA KEGIATAN DI LUAR BILIK DARJAH.

TURUT HADIR DI MAJLIS ITU IALAH MENTERI PELAJARAN DATUK MUSA HITAM, MENTERI PERTAHANAN DATUK AMAR HAJI TAIP MAHMUD, MENTERI PENGANGKUTAN DATUK LEE SAN CHOON DAN TIMBALAN MENTERI BURUH DAN TENAGA RAKYAT, DATUK K. PATHMANABAN. -- BERNAMA 2031/LK